

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/03/2008

● Mengapa Syed Hamid tukar jawatan

PUTRAJAYA 19 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelantikan Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai Menteri Dalam Negeri adalah tepat kerana beliau seorang yang kuat bekerja ketika mengetuai Kementerian Luar sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, keupayaan Syed Hamid itu akan membolehkan beliau berkhidmat

dengan lebih baik memandangkan begitu banyak kerja yang perlu dilaksanakan terutama membabitkan isu-isu keselamatan negara.

Menurut Abdullah, Syed Hamid seorang yang kuat bekerja, dan tiada masalah untuk melaksanakan tugas di kementerian baru.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis perpisahan dan penyerahan tugas kepada Syed Hamid di kementerian itu di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau meletakkan keyakinan bahawa Syed Hamid mampu menjadi menteri yang baik dengan syarat beliau mendapat kerjasama daripada para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.